JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009 — 1223/1

**PENDIDIKAN ISLAM**
**Kertas 1**
**Sept. – Okt.**
2 jam — **Dua jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.

2. **Bahagian A** *mengandungi* **40** *soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman* 12.

3. **Bahagian B** *mengandungi* **empat** *soalan subjektif. Jawab* **tiga** *soalan:* **Soalan 1, Soalan 2** *dan mana-mana* **satu** *soalan berikutnya. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.*

4. *Tulis* **nama** *dan* **tingkatan** *anda pada ruangan yang disediakan di halaman* 12.

5. *Ceraikan kertas jawapan daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

**[Lihat sebelah**

**Bahagian A**

[40 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan.*

**Soalan 1** *hingga* **Soalan 20.**

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan* **A, B, C** *dan* **D. Hitamkan** *jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan*

1

- Membuang ancak bagi menghalau hantu
- Mengunjungi kubur yang dianggap keramat

Pernyataan di atas merujuk kepada contoh perbuatan
**A** sihir
**B** kufur
**C** syirik
**D** khurafat

2 Hukuman kepada penzina ghairu muhsan ialah
**A** Disebat 40 kali
**B** Disebat 100 kali
**C** Direjam hingga mati
**D** Disebat dan direjam dengan batu hingga mati

3




**P** dalam rajah di atas ialah
**A** Imamiah
**B** Ismailiah
**C** Ubudillah
**D** Iskandariah

4 Antara ciri kesesatan ajaran Qadiani ialah
I memansuhkan agama islam
II beriktikad alam ini bersifat kekal (baqa')
III mendakwa bahawa malaikat sebagai pancaindera Allah SWT
IV mendakwa Nabi Isa meninggal dunia dan dimakamkan di India
**A** I dan II
**B** I dan III
**C** II dan IV
**D** III dan IV

 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor 

5

- Mempelajari asas aqidah
- Membina ketahanan aqidah dengan berdoa
- Belajar daripada guru yang diiktiraf keilmuannya

Pernyataan di atas merujuk kepada
**A** ciri-ciri kemanisan iman
**B** langkah-langkah memelihara aqidah
**C** kesan mengamalkan ajaran Islam sebenar
**D** kepentingan berpegang dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

6

| Mahar yang ditentukan kadarnya dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak |
|---|

Pernyataan di atas merujuk kepada mahar
**A** musamma
**B** nihlah
**C** nikah
**D** misil

7

- Barang telah hilang
- Tidak menepati syarat

Pernyataan di atas menyebabkan sewaan
**A** tidak halal
**B** tamat kontrak
**C** tidak perlu dibayar
**D** tertangguh bayaran

8

| Sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan |
|---|

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian
**A** syarikat
**B** insurans
**C** saham
**D** sewa

9 Antara jual beli yang dilarang tetapi sah ialah
I jual beli bersyarat
II jual beli monopoli
III jual barang yang sama jenis
IV jual beli barang halal bertujuan maksiat
**A** I dan II
**B** I dan III
**C** II dan IV
**D** III dan IV



1223/1 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor

10 Berikut ialah kepentingan saksi dalam suatu majlis akad nikah **kecuali**
**A** mengelak berlaku fitnah
**B** memuliakan majlis akad nikah
**C** menjamin majlis walimatul urus berjalan lancar
**D** boleh memberi keterangan sekiranya berlaku sesuatu pertikaian

11 Selain suami dan isteri, rukun lian ialah
**A** lafaz dan sebab
**B** Islam dan sebab
**C** berakal dan lafaz
**D** berakal dan sebab

12 Antara berikut yang manakah kesan membelakangi kepimpinan Khulafa Ar-Rasyidin?
**A** berlakunya pembunuhan Saidina Umar
**B** lahirnya kerajaan Bani Abbasiyah
**C** munculnya golongan Khawarij
**D** khalifah dilantik secara warisan

13 Perpustakaan yang terulung dibina oleh Khalifah Harun Ar-Rasyid di Baghdad ialah
**A** Baitul Mal
**B** Baitul Hikmah
**C** Darul Hikmah
**D** Darul Nukman

14 Selain terkenal sebagai seorang ilmuan, Imam Abu Hanifah rahimahullah juga adalah seorang ahli
**A** perundangan
**B** perusahaan
**C** sejarawan
**D** perniagaan

15 Berikut adalah penemuan Ibnu Sina dalam bidang farmasi
I ubat bius
II mencipta alat x-ray
III ubat mujarab untuk penyakit kronik
IV mencipta benang untuk menjahit luka
**A** I dan II
**B** I dan III
**C** II dan IV
**D** III dan IV

 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor 

**16** Rajah di bawah merujuk kepada adab berfikir dalam Islam




**Q** ialah
**A** ciri
**B** rukun
**C** syarat
**D** sumber

**17** Antara adab di tempat rekreasi ialah
**A** mengganggu ketenteraman awam
**B** berdua-duaan dengan bukan mahram
**C** bertanggungjawab menjaga alam sekitar
**D** membuang sampah di kawasan rekreasi

**18** Berikut ialah perkara yang perlu dielakkan ketika menziarahi jenazah.
I Bergurau senda
II Mengumpat si mati
III Mendoakan si mati
IV Menangisi kematian si mati
**A** I dan II
**B** I dan III
**C** II dan IV
**D** III dan IV

**19** Antara berikut yang manakah **bukan** jenis-jenis sedekah ?
**A** Memberi hadiah
**B** Memberi senyuman
**C** Amar makruf nahi munkar
**D** Menyelesaikan masalah orang lain

**20**

| Bermusafir untuk menziarahi saudara mara |
|---|

Apakah hukum bermusafir di atas ?
**A** Wajib
**B** Harus
**C** Sunat
**D** Haram

[Lihat sebelah
 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor

**Soalan 21** *hingga* **Soalan 40**
*Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.*

**21**

Pengasas Ahli Sunnah Wal Jamaah
- Abu Hassan al-Asy'ari
- **R**

Tokoh **R** dalam rajah di atas ialah ....................................

**22**

**S**
- Apabila bercakap dia berdusta
- Apabila diberi amanah dia khianati
- Apabila berjanji dia mungkiri
- Apabila bertengkar dia melampaui batas

**S** dalam rajah di atas merujuk kepada .......................................

**23** Ahli Sunnah Wal Jamaah berpendapat al-Quran adalah Kalam Allah yang bersifat ..............................

**24**

Syarat sabit hukuman mencuri
- Cukup umur dan sempurna akal
- Kepunyaan orang dan cukup nisab
- **T**
- Kemahuan sendiri
- Bukan kerana lapar dan miskin

**T** dalam rajah di atas ialah ................................

**25** Syiah Zaidiah beriktikad pelaku dosa besar berada di antara keimanan dan .......................

**26**

| Mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji, diikuti dengan mengerjakan haji |
|---|

Pengertian di atas merujuk kepada ibadat haji ..................................

**27** Hukum saham dalam mualamat Islam ialah ....................................

**28** Ibadat akikah paling afdhal dilakukan pada hari ke ..................... kelahiran.

 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor 

**29**




Tanda **U** dalam rajah di atas ialah ......................................

**30**




**V** dalam rajah di atas ialah .......................................

**31** Isteri berhak mendapat ........................ semasa dalam tempoh iddah kematian suami

**32** ..........................merupakan pusat penyebaran ilmu yang terkenal pada zaman kerajaan Bani Umaiyah.

**33** Penubuhan beberapa jabatan semasa pentadbiran Saidina Umar al-Khattab dalam zaman Khulafa' Ar-Rasyidin dikenali sebagai .............................

**34**




Sumber ekonomi bertanda **W** dalam rajah di atas ialah ..........................

**35** Sebelum membaca sesuatu hadis Nabi SAW, Imam Malik akan terlebih dahulu ................. sebagai memuliakan Rasulullah SAW.

**36** Jamalulddin al-Afghani digelar ............................... kerana salasilah keturunannya bersambung dengan Saidina Ali Karamallahuwajhah dan Rasulullah SAW.

 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor 

**Soalan 37** *dan* **Soalan 38** *berdasarkan rajah di bawah.*
*Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.*

| **Adab di tempat rekreasi** | |
|---|---|
| **Aspek** | **Faedah** |
| **X** | Menguatkan stamina |
| Psikologi | **Y** |

**37** **X** dalam rajah di atas ialah .. ..................................

**38** **Y** dalam rajah di atas ialah .....................................

**Soalan 39** *berdasarkan rajah di bawah.*
*Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.*




**39** **Z** dalam rajah di atas ialah .....................................

**40** Segala usaha dan projek kerajaan tidak dapat dilaksanakan tanpa sokongan daripada ........................

 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor 

## Bahagian B

[60 markah]

*Jawab* **tiga** *soalan*: **Soalan 1, Soalan 2** *dan mana-mana* **satu** *soalan berikutnya.*

1 *(a)* Firman Allah SWT:

| |
|---|
| وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَٰنُ وَلَٰكِنَّ ٱلشَّيَٰطِينَ كَفَرُوا۟ يُعَلِّمُونَ ٱلنَّاسَ ٱلسِّحْرَ |
| وَمَآ أُنزِلَ عَلَى ٱلْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هَٰرُوتَ وَمَٰرُوتَ .. |
| (سورة البقرة : اية 102) |

Ayat di atas menerangkan tentang orang yang mengamalkan sihir sehingga menyebabkan kekufuran.

(i) Nyatakan maksud sihir. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan kesan perbuatan sihir terhadap individu muslim. [2 *markah*]

*(b)* Zina merupakan perkara yang dilarang dalam Islam.

(i) Apakah maksud zina? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** faktor berlakunya gejala di atas dalam masyarakat. [4 *markah*]

(iii) Terangkan hikmah diharamkan zina dalam Islam. [2 *markah*]

*(c)* Ajaran Taslim merupakan ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

(i) Siapakah pengasas ajaran tersebut? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** ciri kesesatan ajaran Taslim. [4 *markah*]

(iii) Jelaskan langkah berkesan untuk menangani ajaran sesat dalam masyarakat. [2 *markah*]

2 *(a)* Melontar jamratul Ula, jamratul Wusta dan jamratul 'Aqabah merupakan salah satu daripada perkara wajib haji.

(i) Bilakah waktu melontar ketiga-tiga jamrah di atas? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** cara melontar ketiga-tiga jamrah tersebut. [4 *markah*]

[Lihat sebelah


 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor

*(b)* Insurans diharuskan dalam Islam sebagai satu bantuan alternatif kepada umat Islam khususnya semasa menghadapi musibah atau kesusahan.

(i) Senaraikan **dua** unsur larangan dalam insurans Islam. [2 *markah*]

(ii) Nyatakan tujuan insurans dalam Islam. [2 *markah*]

*(c)* Rujuk ialah suami mengambil semula isteri yang telah diceraikan ke pangkuannya.

(i) Nyatakan **dua** syarat sah lafaz rujuk. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan kesan diharuskan rujuk dalam Islam. [2 *markah*]

*(d)* Nusyuz ialah keengganan isteri menunaikan kewajipan terhadap suami tanpa alasan yang munasabah mengikut hukum syarak.

(i) Jelaskan **dua** perkara yang boleh membawa kepada nusyuz. [4 *markah*]

(ii) Aminah pergi menunaikan ibadah umrah tanpa kebenaran suaminya. Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi di atas. [2 *markah*]

**3** *(a)* Khulafa' Ar-Rasyidin ialah gelaran kepada 4 orang sahabat yang memegang jawatan dalam negara Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW.

(i) Nyatakan cara perlantikan Khulafa' Ar-Rasyidin. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara Kerajaan Khulafa' Ar-Rasyidin dan Kerajaan Umaiyyah dalam bidang ketenteraan. [4 *markah*]

*(b)* Imam al-Bukhari rahimahullah terkenal sebagai seorang yang warak dan kuat pegangan agamanya.

(i) Jelaskan **dua** usaha gigih Imam al-Bukhari rahimahullah dalam mengumpul hadis Nabi SAW. [4 *markah*]

(ii) Terangkan sumbangan beliau dalam bidang ilmu hadis. [2 *markah*]

*(c)* Menziarahi jenazah adalah salah satu tanggungjawab seorang muslim ke atas muslim yang lain.

(i) Apakah hukum meratapi jenazah? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** adab ketika menziarahi jenazah. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** hikmah beradab ketika menziarahi jenazah. [2 *markah*]

 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor 

4 (*a*) Pada zaman kerajaan Abbasiah, umat Islam telah mencapai kecemerlangan dalam bidang sains dan teknologi.

(i) Jelaskan **dua** faktor yang mendorong kemajuan kerajaan Abbasiah dalam bidang tersebut. [4 *markah*]

(ii) Huraikan **dua** kesan kemajuan sains dan teknologi zaman kerajaan Abbasiah. [4 *markah*]

(*b*) Ibnu Sina adalah salah seorang ilmuan Islam terunggul pada zaman kerajaan Abbasiah.

(i) Siapakah nama sebenar Ibnu Sina? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan sumbangan beliau dalam bidang perubatan. [2 *markah*]

(*c*) Sabda Rasulullah saw:

> وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ (ص) قَالَ: رَحِمَ اللهُ رَجُلاً سَمْحًا
>
> إِذَا بَاعَ وَإِذَا اشْتَرَى وَإِذَا اقْتَضَى (رواه البخاري)
>
> Maksudnya: "Dan daripada Jabir r.a, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Allah SWT merahmati seorang yang bertolak ansur ketika berjual beli dan ketika berurusan."
>
> *(Riwayat al-Bukhari)*

(i) Nyatakan pengertian berniaga. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** adab semasa berniaga. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** perbezaan antara jual beli secara Islam dan bukan Islam. [4 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

## KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA : ______________________ TINGKATAN : ____________

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | A | B | C | D | 21 | ________ |
| 2 | A | B | C | D | 22 | ________ |
| 3 | A | B | C | D | 23 | ________ |
| 4 | A | B | C | D | 24 | ________ |
| 5 | A | B | C | D | 25 | ________ |
| 6 | A | B | C | D | 26 | ________ |
| 7 | A | B | C | D | 27 | ________ |
| 8 | A | B | C | D | 28 | ________ |
| 9 | A | B | C | D | 29 | ________ |
| 10 | A | B | C | D | 30 | ________ |
| 11 | A | B | C | D | 31 | ________ |
| 12 | A | B | C | D | 32 | ________ |
| 13 | A | B | C | D | 33 | ________ |
| 14 | A | B | C | D | 34 | ________ |
| 15 | A | B | C | D | 35 | ________ |
| 16 | A | B | C | D | 36 | ________ |
| 17 | A | B | C | D | 37 | ________ |
| 18 | A | B | C | D | 38 | ________ |
| 19 | A | B | C | D | 39 | ________ |
| 20 | A | B | C | D | 40 | ________ |

| Bahagian | Markah | | | | Jumlah markah |
|---|---|---|---|---|---|
| A | | | | | |
| B | Soalan 1 | Soalan 2 | Soalan 3 | Soalan 4 | |
| | | | | | |

 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor 

SULIT

JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009** **1223/1(PP)**

**PENDIDIKAN ISLAM**

**Kertas 1**

**Sept. – Okt.**

## PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk media.

Kertas peraturan pemarkahan ini mengandungi 6 halaman bercetak

 © 2009Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor

# KERTAS 1
## BAHAGIAN A

| No | Jawapan | No | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | A B C **D** | 21 | Abu Mansur al-Maturidi |
| 2 | A **B** C D | 22 | Sifat munafik |
| 3 | **A** B C D | 23 | Qadim / bukan makhluk |
| 4 | A B C **D** | 24 | Simpan di tempat selamat |
| 5 | A **B** C D | 25 | Kekufuran |
| 6 | **A** B C D | 26 | Tamattuk |
| 7 | A **B** C D | 27 | Harus |
| 8 | A B **C** D | 28 | Tujuh |
| 9 | A B **C** D | 29 | Isteri orang |
| 10 | A B **C** D | 30 | Hadiah |
| 11 | **A** B C D | 31 | Tempat tinggal |
| 12 | A B C **D** | 32 | Basrah |
| 13 | A **B** C D | 33 | Ad-Dewan |
| 14 | A B C **D** | 34 | Perindustrian |
| 15 | A **B** C D | 35 | memakai pakaian bersih / berwudhuk / memakai serban / mandi / memakai bau-bauan |
| 16 | A B C **D** | 36 | As-Sayyid |
| 17 | A B **C** D | 37 | Fisiologi |
| 18 | **A** B C D | 38 | Menenangkan fikiran / Badan / Mengurangkan tekanan / lebih ceria / Otak lebih cergas Minda bertambah aktif/ Cepat bertindak |
| 19 | **A** B C D | 39 | Menyediakan keperluan asas |
| 20 | A B **C** D | 40 | rakyat |

[Lihat sebelah


© 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor

**Bahagian B**

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | *(a)* | (i) | Maksud sihir ialah ilmu yang berkaitan perbuatan secara halus / melalui pertolongan mahluk ghaib atau bantuan syaitan / jin / bertujuan memudaratkan manusia. | (1 isi x 2m = 2m) |
| | | (ii) | Kesan sihir terhadap individu muslim:<br>- Merosakkan akidah / membatalkan iman<br>- Membazir harta, tenaga dan masa<br>- Hilang pergantungan kepada Allah SWT<br>- Menyekat akal berfikir secara logik<br>- Ahli sihir menjadi takbur dan berani melakukan kezaliman<br><br>*(mana-mana jawapan munasabah diterima)* | (1 isi x 2m = 2m) |
| | *(b)* | (i) | Zina ialah persetubuhan haram antara lelaki dan perempuan tanpa ikatan perkahwinan yang sah. | (1 isi x 2m = 2m) |
| | | (ii) | Faktor berlaku zina:<br>- Kurang pendidikan Islam / agama<br>- Lemah iman<br>- Mengamalkan pergaulan bebas<br>- Mengunjungi tempat-tempat maksiat<br>- Menonton dan membaca bahan-bahan lucah<br>- Terpengaruh dengan kemewahan dan keseronokan<br>- Terpengaruh dengan budaya barat<br>- Penguatkuasaan undang-undang yang tidak mantap<br>- Tidak takut kepada azab Allah SWT diakhirat<br><br>*(mana-mana jawapan munasabah diterima)* | (2 isi x 2m = 4m) |
| | | (ii) | Hikmah diharamkan zina:<br>- Memelihara kehormatan diri dan keluarga<br>- Menjaga kesucian zuriat manusia<br>- Menjauhkan manusia dari maksiat<br>- Mengelak berlakunya pergaduhan<br>- Mencegah manusia daripada hidup bebas tanpa panduan | (1 isi x 2m = 2m) |
| | *(c)* | (i) | Pengasas ajaran Taslim:<br>- Haji Muhammad bin Syafie / Haji Muhammad Matahari = 2m<br>- Haji Muhammad Syafie / Haji Matahari = 2m<br>- Haji / Haji Muhammad / Matahari = tiada markah | (1 isi x 2m = 2m) |
| | | (ii) | Ciri kesesatan ajaran Taslim:<br>- Beriktikad bahawa diri batin manusia ialah Allah dan diri zahir manusia ialah Nur Muhammad.<br>- Beriktikad bahawa alam bersifat Qadim / kekal<br>- Mentafsir ayat-ayat al-Quran mengikut hawa nafsu<br>- Mengharuskan penzinaan melalui konsep nikah batin<br>- Menolak kewujudan hari Kiamat, Syurga dan Neraka<br>- Solat secara niat tanpa rukun Qauli (perkataan) dan Fi'li (perbuatan)<br>- Menganggap Haji Muhammad sebagai pemimpin yang maksum | (2 isi x 2m = 4m) |
| | | (iii) | Langkah berkesan menangani ajaran sesat dalam masyarakat:<br>- Melengkapkan diri dengan kefahaman Islam sebenar<br>- Menyebarkan ajaran Islam / dakwah Islamiyyah<br>- Kerjasama dalam penguatkuasaan undang-undang<br>- Program pemulihan akidah | (1 isi x 2m = 2m) |


1223/1(PP) © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 2 | *(a)* | (i) | Waktu melontar ketiga-tiga jamrah:<br>- Selepas gelincir matahari pada hari Tasyrik hingga terbit fajar kecuali pada 13 Zulhijjah hingga terbenam matahari<br>- 11 dan 12 Zulhijjah<br>- 11, 12 dan 13 Zulhijjah<br>- Hari-hari Tasyrik / hari-hari haram | (1 isi x 2m = 2m) |
| | | (ii) | Cara melontar jamrah:<br>- Melontar di jamratul Ula, jamratul Wusta dan jamratul 'Aqabah<br>- Dengan 7 biji anak batu pada tiap-tiap jamrah<br>- Niat kerana Allah SWT<br>- Pada masa tertentu iaitu pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah | (2 isi x 2m = 4m) |
| | *(b)* | (i) | Unsur larangan dalam insurans:<br>- Terdapat perkara gharar iaitu tidak jelas tentang perkara yang diakadkan<br>- Unsur judi disebabkan tuntutan yang seolah-olah bergantung pada nasib<br>- Unsur riba' | (2 isi x 1m = 2m) |
| | | (ii) | Tujuan insurans:<br>- Untuk menjaga kebajikan sosial<br>- Untuk mewujudkan keharmonian sosial<br>- Untuk menjamin masa depan<br>- Untuk membantu mereka yang menerima musibah<br>- Untuk menampung kos membaiki kenderaan sekiranya terlibat dalam kemalangan | (1 isi x 2m = 2m) |
| | *(c)* | (i) | Syarat sah lafaz rujuk:<br>- Menggunakan lafaz rujuk<br>- Tidak bertaklik<br>- Tidak menentukan masa | (2 isi x 1m = 2m) |
| | | (ii) | Kesan diharuskan rujuk dalam Islam:<br>- Memberi ketenangan jiwa setelah kehilangan kasih sayang<br>- Suami isteri dapat memperbaiki kelemahan masing-masing<br>- Hubungan kekeluargaan akan kembali erat<br>- Anak-anak akan kembali merasai kasih sayang kedua-dua ibu bapa<br>- Dapat mengatasi masalah sosial dalam masyarakat | (1 isi x 2m = 2m) |
| | *(d)* | (i) | Perkara yang membawa kepada nusyuz:<br>- Isteri keluar rumah tanpa izin suami<br>- Isteri menolak ajakan jimak dengan tiada keuzuran<br>- Isteri bersikap kasar dengan suami / angkat suara<br>- Isteri yang musafir tanpa izin suami | (2 isi x 2m = 4m) |
| | | (ii) | Hukum dan alasan:<br>- Hukum : Haram<br>- Alasan : Tindakan isteri termasuk dalam perkara yang membawa kepada nusyuz / keluar tanpa izin suami. | (2 isi x 1m = 2m) |

[Lihat sebelah

 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Cara perlantikan Khulafa' Ar-Rasyidin:<br>- Majlis Syura<br>- Melalui wasiat yang kemudiannya dipersetujui oleh Majlis Syura</td><td>(1 isi x 2m = 2m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Perbezaan antara kerajaan Khulafa' Ar-Rasyidin dan kerajaan Umaiyyah dalam bidang ketenteraan.
<table>
<tr><th></th><th>K. Ar-Rasyidin</th><th>K. Umaiyyah</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Tentera secara Sukarela</td><td>Tentera secara Kerahan tenaga bagi yang cukup syarat</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Tiada apa-apa keutamaan pada mana-mana bangsa</td><td>Keutamaan kepada bangsa Arab</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Latihan ketenteraan secara umum</td><td>Dilatih perang pada musim panas dan musim sejuk</td></tr>
</table></td><td>(2 isi x 2m = 4m)</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Usaha gigih yang dilakukan oleh Imam al-Bukhari r.h. dalam mengumpul hadis:<br>- Sentiasa memohon pertolongan dan petunjuk Allah SWT<br>- Kuat beribadat<br>- Rajin menghafaz<br>- Menghindari makanan haram dan syubhah<br>- Sanggup mengembara dan bersusah payah mencari ilmu</td><td>(2 isi x 2m = 4m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Sumbangan beliau dalam bidang hadis:<br>- Menghasilkan kitab Sahih Bukhari<br>- Berjaya mengumpul 600,000 hadith<br>- Kitab Sahih Bukhari menjadi sumber rujukan ulama' hadis seluruh dunia</td><td>(1 isi x 2m = 2m)</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Hukum meratapi jenazah ialah haram.</td><td>(1 isi x 2m = 2m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Adab menziarahi jenazah:<br>- Berdoa supaya jenazah mendapat keampunan Allah SWT<br>- Menunaikan solat jenazah<br>- Memberi pertolongan kepada keluarga jenazah dalam urusan pengebumian<br>- Melahirkan perasaan dukacita kepada waris<br>- Mengucapkan takziah kepada ahli keluarga waris</td><td>(2 isi x 2m = 4m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Hikmah beradab ketika menziarahi jenazah:<br>- Dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dengan keluarga jenazah<br>- Mengurangkan tekanan emosi keluarga jenazah yang kehilangan ahlinya<br>- Memberi keinsafan bahawa kematian adalah sebahagian daripada qada' Allah SWT yang perlu diterima oleh semua mahluknya<br>- Dapat menunaikan hak sebagai seorang muslim ke atas muslim yang lain</td><td>(1 isi x 2m = 2m)</td></tr>
</table>



**1223/1(PP)** © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor

JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009 1223/2

**PENDIDIKAN ISLAM**
**Kertas 2**
**Sept.**
1 ⅔ jam **Satu jam empat puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **lima** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak



1223/2 © 2009 Hak Cipta JPNJ

Jawab **semua** soalan

1 (a) Firman Allah SWT. :

وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمۡ لَعِبٗا وَلَهۡوٗا وَغَرَّتۡهُمُ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَاۚ وَذَكِّرۡ بِهِۦٓ أَن
تُبۡسَلَ نَفۡسُۢ بِمَا كَسَبَتۡ لَيۡسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيّٞ وَلَا شَفِيعٞ وَإِن تَعۡدِلۡ كُلَّ
عَدۡلٖ لَّا يُؤۡخَذۡ مِنۡهَآۗ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبۡسِلُواْ بِمَا كَسَبُواْۖ لَهُمۡ شَرَابٞ مِّنۡ حَمِيمٖ
وَعَذَابٌ أَلِيمُۢ بِمَا كَانُواْ يَكۡفُرُونَ ﴿٧٠﴾ (سورة الانعام ٧٠)

Ayat di atas menjelaskan kepada umat Islam supaya menjauhkan diri dari perbuatan mempersendakan agama.

(i) Nyatakan contoh perbuatan mempersendakan agama. [2 *markah*]

(ii) Apakah faktor yang mendorong seseorang itu melakukan perbuatan tersebut ? [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang boleh diambil daripada ayat al-Quran di atas. [4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لاَ
يَقْبَلُ إِلاَّ طَيِّبًا وَإِنَّ اللهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِيْنَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِيْنَ فَقَالَ تَعَالَى: يَـاأَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا. وَقَالَ تَعَالَى: يَـاأَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَارَزَقْنَاكُمْ. ثُمَّ ذَكَرَ
الرَّجُلَ يُطِيْلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَارَبُّ يَارَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ
وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لَهُ. (رواه المسلم)

Hadis di atas menjelaskan bahawa penerimaan dan penolakan doa seseorang berkait rapat dengan makanan atau pakaian samada ianya halal atau tidak mengikut syarak.

(i) Nyatakan **dua** ciri pakaian yang haram menurut Islam. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan kesan memakai pakaian yang haram terhadap ibadah. [4 *markah*]

(iii) Terangkan kelebihan memakai pakaian yang dianjurkan oleh Islam. [2 *markah*]

(c)

| A | B | C | D |
|---|---|---|---|
| وَمَحۡيَاىَ | صَلَاتِي | ٱلۡعَٰلَمِينَ | لِلَّهِ |

Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul .

قُلۡ إِنَّ ____(1)____ وَنُسُكِي ____(2)____ وَمَمَاتِي ____(3)____ رَبِّ ____(4)____

﴿١٦٢﴾

[4 *markah*]

2 (a) Firman Allah SWT. :

قُلۡ إِنَّنِي هَدَىٰنِي رَبِّيٓ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ دِينٗا قِيَمٗا مِّلَّةَ إِبۡرَٰهِيمَ حَنِيفٗاۚ وَمَا كَانَ مِنَ

ٱلۡمُشۡرِكِينَ ﴿١٦١﴾ (سورة الانعام اية ١٦١)

Ayat di atas menjelaskan Islam sebagai ad-Din yang menjadi pegangan Nabi Ibrahim dan seluruh umat Islam.

(i) Apakah maksud Islam sebagai ad-Din ? [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** golongan manusia yang diredai Allah SWT. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan apakah tugas anda sebagai seorang muslim. [2 *markah*]

(iv) Nyatakan **dua** cara memelihara iman dan Islam. [2 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لاَ تَحَاسَدُوا
وَلاَ تَنَاجَشُوا وَلاَ تَبَاغَضُوا وَلاَ تَدَابَرُوا وَلاَ يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللهِ
إِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لاَ يَظْلِمُهُ وَلاَ يَخْذُلُهُ وَلاَ يَكْذِبُهُ وَلاَ يَحْقِرُهُ، التَّقْوَى هَهُنَا
وَيُشِيْرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ بِحَسْبِ امْرِىءٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ
الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ. ( رواه ومسلم )

Hadis di atas menerangkan tentang larangan yang membawa kepada perpecahan di dalam masyarakat.

(i) Senaraikan **empat** larangan yang terdapat dalam hadis selain daripada hasad dengki. [4 *markah*]

(ii) Jelaskan maksud berjual beli atas jualan orang lain. [2 *markah*]

(iii) Terangkan sebab Islam melarang umatnya melakukan perbuatan tersebut. [2 *markah*]

(c) Potongan ayat al-Quran berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Susun semula ayat al-Quran berikut mengikut tertib .
Anda dikehendaki menulis nombor sahaja.

| | |
|---|---|
| وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ | (1) |
| أَنِ ٱشْكُرْ لِى وَلِوَٰلِدَيْكَ إِلَىَّ ٱلْمَصِيرُ | (2) |
| حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ | (3) |
| وَفِصَـٰلُهُۥ فِى عَامَيْنِ | (4) |

[4 *markah*]

3 (a) Firman Allah SWT. :

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ
مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾
إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ
ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٨﴾

( سورة الموءمنون ١-٨ )

Ayat di atas menerangkan ciri-ciri mukmin yang berjaya.

(i) Senaraikan ciri-ciri tersebut selain daripada menunaikan zakat. [2 *markah*]

(ii) Islam menggalakkan umatnya sentiasa menunaikan amanah dan janji. Terangkan cara untuk melaksanakan galakan tersebut.
[4 *markah*]

(iii) Nyatakan **dua** tujuan menunaikan amanah dan menepati janji. [2 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِنَّ اللهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ
إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ
فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي
يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لَأُعْطِيَنَّهُ وَلَئِنِ اسْتَعَاذَنِي لَأُعِيذَنَّهُ.

( رواه البخاري )

Hadis di atas menjelaskan tentang kedudukan wali disisi Allah SWT.

(i) Apakah amaran Allah kepada mereka yang memusuhi Wali-Nya?
[2 *markah*]

(ii) Jelaskan perbezaan antara wali dan rasul. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** kelebihan orang yang mendapat keredaan Allah.
[4 *markah*]

(c) Potongan ayat al-Quran berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Susun semula ayat al-Quran berikut mengikut tertib .
Anda dikehendaki menulis nombor sahaja.

| | |
|---|---|
| عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ | (1) |
| فَإِن تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ | (2) |
| رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ | (3) |
| اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ | (4) |

[4 *markah*]

4 (a) Firman Allah SWT. :

۞ اللَّهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ مَثَلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۖ الْمِصْبَاحُ فِي
زُجَاجَةٍ ۖ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِن شَجَرَةٍ مُّبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَّا شَرْقِيَّةٍ وَلَا
غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ ۚ نُّورٌ عَلَىٰ نُورٍ ۗ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَن
يَشَاءُ ۚ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ ۗ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٥﴾

( سورة النور ٣٥ )

Ayat di atas menerangkan mengenai nur hidayah Allah SWT kepada orang beriman.

(i) Senaraikan **empat** golongan yang mendapat nur hidayah Allah SWT . [4 *markah*]

(ii) Huraikan **dua** perbezaan antara orang yang beramal dengan ilmu dengan orang yang tidak beramal dengan ilmu . [4 *markah*]

(iii) Nyatakan cara memperolehi hidayah. [2 *markah*]

(iv) Jelaskan pengajaran yang dapat diteladani dari ayat di atas. [2 *markah*]

(b) Tulis semula **empat** potongan ayat yang mengandungi **hukum mad** dalam petikan ayat al-Quran di bawah .

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَٰدَةً ۖ قُلِ ٱللَّهُ ۖ شَهِيدٌۢ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ ۚ وَأُوحِيَ إِلَيَّ هَٰذَا
ٱلْقُرْءَانُ لِأُنذِرَكُم بِهِۦ وَمَنۢ بَلَغَ ۚ أَئِنَّكُمْ لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ ٱللَّهِ ءَالِهَةً أُخْرَىٰ ۚ
قُل لَّآ أَشْهَدُ ۚ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ وَإِنَّنِي بَرِيٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾
(سورة الأنعام ١٩ )

[4 *markah*]

(c) Tukarkan petikan berikut ke tulisan rumi.

سوامي ايستري ممڤوڽاءي تڠڬوڠجواب ماسيڠ٢ دالم مڠوروسکن رومهتڠڬ
صفة برتيمبڠ راس، تولوڠ منولوڠ دان بکرجاسام داڤت موجودکن
کهرمونين دالم رومهتڠڬ .

[4 *markah*]

5 (a) Firman Allah SWT. :

لَوْ أَنزَلْنَا هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُۥ خَٰشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ ٱللَّهِ ۚ وَتِلْكَ
ٱلْأَمْثَٰلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَٰلِمُ
ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ۖ هُوَ ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْمَلِكُ
ٱلْقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ ٱلْمُؤْمِنُ ٱلْمُهَيْمِنُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْجَبَّارُ ٱلْمُتَكَبِّرُ ۚ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا
يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ ( سوره الحشر اية ٢١-٢٣ )

Ayat di atas menjelaskan tentang kehebatan dan keagungan Al-Quran dan sifat kasih sayang Allah SWT terhadap hamba-Nya.

(i) Huraikan cara makhluk selain manusia tunduk dan patuh kepada Allah SWT. [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **empat** sifat Allah yang terdapat dalam ayat di atas.

[4 *markah*]

(iii) Sebagai seorang pelajar bagaimana cara anda menghayati al-Quran dalam kehidupan seharian. [2 *markah*]

(b) Nyatakan **hukum tajwid** dan **cara bacaan** bagi kalimah yang bergaris.

| |
|---|
| وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦ فَقَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۚ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٢٣﴾ (سورة المؤمنون ٢٣) |

[6 *markah*]

(c) Tukarkan pernyataan ayat di bawah ke dalam tulisan jawi.

(i) Sedekah yang diberi hendaklah dengan niat yang ikhlas kerana Allah.

(ii) Sebagai Muslim, kita hendaklah sentiasa beristighfar dan memohon keampunan Allah.

(iii) Pasukan tentera Zaman Abbasiyah dilengkapi dengan peralatan ketenteraan yang canggih.

[6 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009 1223/2(PP)

**PENDIDIKAN ISLAM**
**Kertas 2**
**Sept.**

## PERATURAN PEMARKAHAN

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk media.

Kertas peraturan pemarkahan ini mengandungi 8 halaman bercetak

**PERATURAN PEMARKAHAN**

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 1 (a) i | **Contoh perbuatan mempersendakan agama :**<br>• Mengatakan solat membuang masa<br>• Makan dan minum dengan sengaja pada siang hari bulan ramadhan<br>• Enggan mengeluarkan zakat<br>• Memperkecilkan tuntutan agama<br>• Bangga melanggar hukum Allah | 2 isi x 1m<br>(2 markah) |
| (a) ii | **Faktor yang mendorong perbuatan mempersendakan agama :**<br>• Lemah iman<br>• Tidak yakin dengan balasan Allah<br>• Bergaul dengan golongan mungkar / 'asi<br>• Kurang penghayatan dalam ilmu agama<br>• Leka dengan kemewahan dunia. | 2 isi x 1m<br>(2 markah) |
| (a) iii | **Dua pengajaran ayat**<br>• Kita wajib menjaga kesucian agama Islam<br>• Agama Islam bukan alat kepentingan peribadi<br>• Orang yang mempersendakan agama akan menerima azab yang pedih<br>• kita wajib menjauhi perbuatan / amalan yang boleh menjatuhkan maruah diri dan agama.<br>• Kekuasaan dan kekayaan yang tidak mengikut syariat | 2 isi x 2m<br>(4 markah) |
| 1 (b) i | **Ciri-ciri pakaian yang haram menurut Islam**<br>• Pakaian dari sumber yang haram<br>• Pakaian tidak menutup aurat / tidak sopan / mencolok mata<br>• Pakaian yang jarang atau ketat<br>• Pakaian yang berlawanan jantina<br>• Pakaian rasmi agama bukan Islam<br>• Lelaki diharamkan memakai emas / sutera | 2 isi x 1m<br>(2 markah) |
| 1 (b) ii | **Kesan memakai pakaian yang haram terhadap ibadah**<br>• Doa tidak dimakbulkan<br>• Merosakkan ibadah<br>• Tidak mendorong seseorang menambah amal kebajikan<br>• Ibadah tidak khusyuk. | 2 isi x 2m<br>(4 markah) |



1223/2(PP) © 2009 Hak Cipta JPNJ SULIT

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (b) iii | **Kelebihan memakai pakaian yang dianjurkan oleh Islam** :<br>• Menjaga kesihatan badan<br>• Mendapat pahala kerana mengikut sunnah<br>• Menjaga maruah diri dan agama<br>• Disukai Allah / Rasul / rakan-rakan<br>• Mengelakkan diri dari berlakunya maksiat | 2isi x 1m<br>(2 markah) |
| (c) | B, A, D, C | 4 isi x 1m<br>(4 markah) |
| 2 (a) i | **Maksud Islam sebagai ad-Din** :<br>• Islam mengatur segenap sudut kehidupan manusia kerana ajarannya meliputi seluruh aspek kehidupan manusia.<br>• Islam meliputi berbagai bidang ilmu iaitu akidah, ibadat, akhlak, muamalat, jenayah, ekonomi dan lain-lain. | 1 isi x 2m<br>(2 markah) |
| (a) ii | **Dua golongan manusia yang diredai Allah SWT** :<br>• Para nabi<br>• Para sahabat<br>• Para wali<br>• Orang yang mentaati perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya. | 2 isi x 1m<br>(2 markah) |
| (a) iii | **Tugas seorang muslim :**<br>• Beriman kepada Allah dan bertawakkal kepada-Nya<br>• Melakukan perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya<br>• Beribadat dengan ikhlas<br>• Berusaha mendapatkan hidayat Allah SWT.<br>• Memakmurkan muka bumi dengan membuat ihsan dan saling bantu membantu. | 1 isi x 2m<br>(2 markah) |
| (a) iv | **Dua cara memelihara iman dan Islam :**<br>• Sentiasa berdoa kepada Allah SWT<br>• Melakukan ibadat kepada Allah SWT<br>• Menyerahkan segala urusan hanya kepada Allah SWT<br>• Mematuhi segala perintah Allah SWT<br>• Meninggalkan segala larangan Allah SWT | 2 isi x 1m<br>(2 markah) |

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (b) i | **Larangan selain hasad dengki :**<br>• Jual beli atas jualan orang lain<br>• Tipu-menipu<br>• Benci membenci<br>• Berpaling muka<br>• Menumpahkan darah<br>• Merampas harta orang lain tanpa hak<br>• Menjatuhkan maruah orang lain | 4 isi x 1m<br>(4 markah) |
| (b) ii | **Maksud berjual beli atas jualan orang lain**<br>Membatalkan jualan atau pembelian orang lain untuk kepentingan diri | 1 isi x 2m<br>(2 markah) |
| (b) iii | **Sebab Islam melarang :**<br>• Boleh menyebabkan terputusnya persahabatan<br>• Menghilangkan segala amal kebajikan yang dilakukan<br>• Boleh menimbulkan pergaduhan dikalangan orang Islam<br>• Mewujudkan suasana benci membenci antara satu sama lain<br>• Menyebabkan jiwa dan perasaan tidak tenteram / sering gelisah / marah<br>• Kemajuan ekonomi akan terjejas | 1 isi x 2m<br>(2 markah) |
| (c) | **Susunan potongan ayat** :<br>- 1, 3, 4, 2 atau 1, 4, 2,3<br><br>- 1 - 1<br>- 3 - 4<br>- 4 - 2<br>- 2 - 3 | Mana-mana yang betul diberi markah<br><br>4 isi x 1m<br>(4 markah) |
| 3 (a) i | **Ciri-ciri mukmin berjaya selain daripada menunaikan zakat :**<br>• Orang yang menjauhkan diri daripada perkara sia-sia<br>• Khusyuk dalam menunaikan solat<br>• Memelihara kehormatan diri<br>• Memelihara amanah dan janji<br>• Memelihara waktu solat | 2isi x 1 m<br>( 2 markah) |



**1223/2(PP)** © 2009 Hak Cipta JPNJ 

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (a) ii | **Cara menunaikan amanah dan janji :**<br>• Melaksanakan tugas dengan sempurna<br>• Tidak mengkhianati amanah yang diberi<br>• Tidak memungkiri janji<br>• Menyebut insyAllah apabila berjanji | 2 isi x 2 m<br>( 4 markah) |
| (a) iii | **Dua tujuan menunaikan amanah dan janji :**<br>• Supaya terselamat dari azab neraka<br>• Supaya mendapat kepercayaan dari orang ramai<br>• Agar tidak menyakiti hati orang lain<br>• Dapat menghasilkan kerja yang berkualiti<br>• Disukai oleh Allah dan rasul-Nya / orang ramai | 2 isi x 1 m<br>( 2 markah) |
| (b) i | **Amaran Allah kepada mereka yang memusuhi wali-Nya :**<br>Allah SWT memberikan ancaman akan memerangi orang yang memusuhi para walinya. | 1 isi x 2 m<br>( 2 markah) |
| (b) ii | **Perbezaan Wali dan Rasul** : (lihat jadual di bawah) | 2 isi x 1m<br>(2 markah) |
| (b) iii | **Dua kelebihan orang yang mendapat keredaan Allah :**<br>• Permintaan / doanya diterima / dimakbulkan<br>• Jika dia minta perlindungan Allah akan melindunginya.<br>• Apabila meminta pertolongan Allah akan beri pertolongan<br>• Hidupnya tenang<br>• Dimurahkan rezeki<br>• Dijanjikan syurga | 2 isi x 2m<br>(4 markah) |
| (c) | 2, 4, 1, 3 atau 3, 1, 4, 2<br><br>2     3<br>4 @ 1<br>1     4<br>3     2 | Mana-mana yang betul diberi markah.<br><br>4 isi x 1m<br>(4 markah) |

Jadual (b) ii:

| Wali | Rasul |
|---|---|
| Tidak maksum ( 1m ) | Bersifat maksum ( 1m ) |
| Tiada mukjizat ( 1m ) | Ada / dapat mukjizat ( 1m ) |
| Orang biasa ( 1m ) | Pilihan Allah ( 1m ) |
| Lelaki dan perempuan ( 1m ) | Lelaki sahaja ( 1m ) |



1223/2(PP) © 2009 Hak Cipta JPNJ

<table>
<tr><th>No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>4 (a) i</td><td>Empat golongan yang mendapat Nur Hidayah Allah SWT<br>• Mereka yang bertasbih dan bertahmid kepada Allah<br>• Mereka yang berjual beli tanpa lalai mengingati Allah<br>• Mereka yang mendirikan solat fardhu<br>• Mereka yang mengeluarkan zakat<br>• Mereka yang takut kepada pembalasan hari kiamat</td><td>4 isi x 1m<br>(4 markah)</td></tr>
<tr><td>(a) ii</td><td>Perbezaan antara :<br><table>
<tr><th>Orang beramal dengan ilmu</th><th>Orang tidak beramal dengan berilmu</th></tr>
<tr><td>Jadi hamba Allah yang soleh ( 1m )</td><td>Jadi hamba Allah yang derhaka ( 1m )</td></tr>
<tr><td>Sentiasa diredai dan disayangi Allah ( 1m )</td><td>Sentiasa dimurkai dan dibenci Allah ( 1m )</td></tr>
<tr><td>Ilmu akan sentiasa bertambah ( 1m )</td><td>Ilmu sentiasa berkurang ( 1m )</td></tr>
</table></td><td>2 isi x 2m<br>(4 markah)</td></tr>
<tr><td>(a) iii</td><td>Cara mendapat hidayah :<br>• Menuntut ilmu<br>• Beramal / beribadat<br>• Berzikir kepada Allah<br>( Mana-mana jawapan munasabah diterima )</td><td>1 isi x 2m<br>(2 markah)</td></tr>
<tr><td>(a) iv</td><td>pengajaran ayat :<br>• Manusia perlu berusaha untuk mendapatkan hidayah Allah<br>• Hidayah Allah menerangi hati mukmin umpama cahaya menerangi alam<br>• Menuntut ilmu adalah satu kewajipan / cara untuk mendapatkan hidayah<br>• Kita wajib menguasai ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah.</td><td>1 isi x 2m<br>(2 markah)</td></tr>
</table>

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (b) | شَهَدَةً / شَهِيدٌ / هَـٰذَا / لَتَشْهَدُون / وَٰحِد / بِهِۦ / لَّآ أَشْهَدُ / بَرِىٓء / تُشْرِكُون | 4 isi x 1m<br>(4 markah) |
| (c) | Suami isteri mempunyai tanggungjawab masing-masing / dalam menguruskan rumahtangga. Sifat bertimbang / rasa, tolong menolong dan kerjasama / dapat mewujudkan keharmonian dalam rumahtangga. | - Setiap satu keratan 1m<br>- Kesalahan dikira pada perkataan<br>- Salah 4 perkataan dan lebih tiada markah<br>(4 markah) |
| 5 (a) i | **Cara makhluk lain tunduk dan patuh kepada Allah :**<br>• Bertasbih dengan cara tersendiri<br>• Mengikut segala ketentuan / peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah<br>• Megikut fitrah seperti tumbuhan mengeluarkan buah | 1 isi x 2m<br>(2 markah) |
| (a) ii | **Empat sifat Allah yang terdapat dalam ayat di atas :**<br>Al Malik. Al-Kuddus<br>As-Salam Al-Mukmin<br>Al-Muhaimin Al-Aziz<br>Al-Jabbar Al-Mutakabbir<br>Al-Rahman Ar-Rahim | 4 isi x 1m<br>(4 markah) |
| (a) iii | **Cara menghayati al-Quran dalam kehidupan seharian**<br>• Beristiqamah dalam membaca al-Quran<br>• Memahami maksud / makna ayat yang dibaca<br>• Mengamalkan ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian<br>• Membaca al-Quran dengan bertajwid / bertarannum | 1 isi x 2m<br>(2 markah) |



1223/2(PP) © 2009 Hak Cipta JPNJ

<table>
<tr><th>No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>(b)</td><td>
<table>
<tr><th>Kalimah</th><th>Hukum tajwid</th><th>Cara bacaan</th></tr>
<tr><td>وَلَقَد</td><td>Qalqalah kubra</td><td>Dibaca dengan cara berdetap / berdetak kuat</td></tr>
<tr><td>نُوحًا إِلَىٰ</td><td>Izhar halqi</td><td>Dibaca dengan terang dan nyata</td></tr>
<tr><td>لَكُم مِّن</td><td>Idgham mislain</td><td>Dibaca dengan dengung</td></tr>
</table>
</td><td>6 isi x 1m<br>(6 markah)<br><br>Hukum= 1m<br>Cara baca = 1m</td></tr>
<tr><td>(c)</td><td>• صدقه يڠ دبري هندقله دڠن / نية يڠ اخلاص كران الله.<br>• سباݢاي مسلم، كيت هندقله سنتياس/ براستغفار دان مموهون كأمڤونن الله.<br>• ڤاسوقن تنترا زمان عباسيه دلڠكڤي/ دڠن ڤرالتن كتنتراءن يڠ چڠݢيه.</td><td>- Setiap potongan 1m<br>-Kesalahan dikira pada perkataan<br>-Kesalahan lebih daripada dua perkataan dikira tiada markah<br>-Menambah atau mengurangkan huruf dalam perkataan dikira salah satu perkataan<br><br>(6 markah)</td></tr>
</table>

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**